

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 OCTOBER 2016

Meningkat berikutan penarikan sekatan antarabangsa terhadap negara itu

# Perdagangan Malaysia-Iran

UM - 8/10/2016

Oleh KAMIL MASLIH  
dan MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 OKT.

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak yakin perdagangan Malaysia dan Iran akan meningkat berkali-kali ganda berikutan sekatan antarabangsa terhadap negara itu ditarik balik sejak Januari lalu.

Perdana Menteri berkata, bank pusat kedua-dua negara telah diminta untuk bertemu dalam waktu terdekat ini bagi membolehkan sektor swasta kedua-dua negara saling bekerjasama dalam mekanisme yang lebih efisien.

“Kesan daripada sekatan antarabangsa (terhadap Iran) telah menyebabkan perdagangan Malaysia-Iran berkurangan separuh daripada apa dicapai sebelum ini, bagi Januari hingga Jun tahun ini, jumlah dagangan adalah RM1.03 bilion.

“Tetapi itu hanya separuh berikutan objektif segera yang kita persetujui adalah untuk menggandakan secepat mungkin,

malah untuk tahun-tahun berikutnya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersama Presiden Iran, Dr. Hassan Rouhani selepas mesyuarat bilateral antara Iran dan Malaysia di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Berkuat kuasa 16 Januari lalu, sekatan-sekatan antarabangsa yang dikenakan terhadap Iran ditarik balik selepas badan pemantau nuklear Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesahkan Iran telah melaksanakan semua langkah yang terkandung dalam perjanjian nuklear terhadap negara berkenaan.

Menurut Najib, antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan adalah usaha untuk memperkukuhkan eksport minyak sawit ke Iran dengan pembukaan pejabat seranta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Tehran, Iran serta kunjungan delegasi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ke negara itu.

“Kita turut berbincang mengenai minyak sawit yang banyak diimport oleh Iran, memang ada

beberapa isu yang perlu ditangani tetapi kita yakin berdasarkan asas-asas saintifik bahawa minyak sawit adalah selamat untuk kesihatan dan memiliki banyak nutrisi,” katanya.

Jelas Perdana Menteri, dengan Iran pernah mengimport sebanyak 4,000 unit kereta Proton Saga sebelum ini, beliau berharap perdagangan dalam sektor automotif antara Malaysia dengan Iran dapat dirancarkan kembali.

Katanya, sekatan antarabangsa yang dikenakan terhadap Iran sebelum ini turut menjejaskan hubungan industri pelancongan kedua-dua negara, sehubungan itu, beliau berharap potensi-potensi baharu industri berkenaan dapat ditingkatkan dan jumlah 65,000 pelancong Iran yang melawat Malaysia tahun lalu dapat digandakan.

Beliau memberitahu, meskipun Malaysia dengan Iran mempunyai perbezaan dari segi fahaman dan mazhab, perkara berkenaan tidak menjejaskan kerjasama kedua-dua negara dalam platform antarabangsa dan nega-

ra-negara Islam untuk keamanan serta kestabilan sejagat.

Dalam pada itu, menurut Hassan yang julung kali mengadakan lawatan rasmi ke negara ini, Iran bersedia untuk bukan sahaja mengembalikan malah meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam pelbagai sektor bersama Malaysia.

“Bagi mengukuhkan hubungan kedua-dua negara, Iran juga bersedia untuk menerima kehadiran pelabur-pelabur dari Malaysia dalam sektor minyak, gas dan petrokimia. Selain itu Iran berminat menjalin kerjasama dalam sektor makanan dan industri halal,” katanya.

Katanya, beliau juga berharap Malaysia dan Iran juga dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang sains, teknologi dan pendidikan.

Jelas Hassan, berhubung ancaman kumpulan-kumpulan penganas yang telah banyak menjejaskan imej Islam, Iran dan Malaysia sepakat untuk menolak sebarang bentuk elemen ekstremis dan tidak akan bertoleransi terhadap perkara tersebut.